



Ruj. Kami : KP/MAQIS/556 Jld.4 ( )  
Tarikh : 23 November 2017

**SILA LIHAT SENARAI AGIHAN**

Tuan/puan,

**PEMBERITAHUAN NOTIS SEKATAN EKSPORT BEBERAPA SPESIES IKAN  
TERPILIH DARI 1 DISEMBER 2016 HINGGA 28 FEBRUARI 2017**


Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara diatas

1. Untuk maklumat, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mengeluarkan surat notis sekatan eksport beberapa spesies ikan terpilih **berkuatkusa 1 Disember 2016 hingga 28 Februari 2017** bersesuaian dengan Kaedah 5(3), Kaedah-kaedah Pemasaran Ikan 2010. Sekatan eksport ini hanya melibatkan ikan Kembong, Ikan Pelaling, Ikan Selayang Ikan Selar, Udang Putih dan Bawal Putih.
2. Bersama- sama ini disertakan surat dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia rujukan LKIM : K406/143/2 Jld.4 bertarikh 01 November 2016 yang menerangkan maksudnya seperti disertakan.
3. Adalah diharapkan agar arahan sekatan ini dipatuhi dari masa ke semasa sepanjang berkuatkuasanya sekatan ini terutamanya dari segi kelulusan permit eksport dan pemeriksaan oleh MAQIS Pintu Keluar/Masuk di seluruh negara.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**( MOKHTARUD-DIN BIN HUSAIN )**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksa Malaysia(MAQIS)  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.